



**RAC AMBIL TINDAKAN SEGERA,
KESELAMATAN PENGGUNA DIUTAMAKAN
SUSULAN INSIDEN SILING JATUH DI STESEN GURUN**

KUALA LUMPUR, 22 SEPTEMBER 2026 - Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah mengambil tindakan segera susulan insiden sebahagian panel siling di kawasan laluan mengambil dan menurunkan penumpang (*drop-off zone*) Stesen Keretapi Gurun, Kedah yang jatuh dan mengenai sebuah kenderaan pada kira-kira pukul 11.30 pagi Ahad, 20 September 2026.

Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian tersebut. Berdasarkan pemeriksaan awal, kenderaan terbabit mengalami kerosakan kecil akibat terkena serpihan panel siling.

Sejurus menerima maklumat mengenai kejadian, RAC bersama pihak operator, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), telah mengambil tindakan segera dengan menutup sementara kawasan terjejas, mengawal pergerakan kenderaan serta memasang penghadang keselamatan bagi memastikan keselamatan pengguna. Kerja-kerja pembersihan telah selesai kira-kira pukul 12.20 tengah hari, 20 September 2026 dan laluan berkenaan dibuka semula selepas pemeriksaan awal mendapati kawasan tersebut selamat untuk dilalui.

RAC turut menghubungi pemandu kenderaan yang terlibat bagi mendapatkan maklumat lanjut serta menyelaras penilaian kerosakan. RAC memberi perhatian sewajarnya terhadap kebajikan pihak yang terlibat, termasuk membantu menyelaras urusan berkaitan kerosakan dan tuntutan, tertakluk kepada hasil siasatan serta tatacara dan ketetapan yang berkuat kuasa.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIASATAN TEKNIKAL DAN KERJA PEMBAIKAN

Dalam perkembangan yang sama, RAC telah mengaktifkan tindakan pembaikan segera di lokasi berkenaan. Pemeriksaan teknikal secara terperinci akan dilaksanakan bagi mengenal pasti keadaan dan faktor yang menyumbang kepada kejadian tersebut serta menentukan tindakan pembaikan yang bersesuaian. Mesyuarat teknikal bersama pihak-pihak berkaitan akan diadakan pada 21 September 2026 bagi menentukan skop pembaikan dan langkah mitigasi yang perlu dilaksanakan dengan segera.

Sebagai langkah pencegahan, RAC turut akan melaksanakan pemeriksaan keselamatan di Stesen Keretapi Gurun dan memperluaskannya ke stesen-stesen lain yang mempunyai reka bentuk atau komponen kemudahan serupa berdasarkan penilaian teknikal dan risiko.

KOMITMEN RAC TERHADAP KESELAMATAN AWAM

RAC memandang serius kejadian ini dan menegaskan bahawa keselamatan pengguna sentiasa menjadi keutamaan dalam pengurusan, penyelenggaraan dan pemantauan aset kereta api di bawah tanggungjawab RAC.

RAC akan terus bekerjasama dengan pihak operator dan pihak berkaitan bagi memastikan tindakan pembaikan, pemeriksaan serta langkah pencegahan dilaksanakan dengan segera dan sewajarnya bagi mengurangkan risiko kejadian seumpama ini berulang.

– TAMAT –

PERBADANAN ASET KERETAPI

22 SEPTEMBER 2026

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya

UNTUK SIARAN SEGERA

Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my.

Pertanyaan Media:

Unit Hal Ehwal Korporat

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 012 – 659 4256

Timb. Naib Presiden Komunikasi: Hazimin Sulaiman

E-mel: hazimin.sulaiman@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 016 – 6760297